



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	27/12/2021 (ISNIN)	MUKA SURAT	:	3
JABATAN	:	TNB			

SH 27.12.2021_3

Rebat 100 peratus bil elektrik



72,000 mangsa banjir dapat rebat bulan
Disember

HULU LANGAT

Rebat 100 peratus secara sekali beri atau *one-off* bagi bil elektrik bulan Disember diberikan kepada pengguna domestik bagi meringankan beban mangsa banjir, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Beliau berkata, sebanyak 72,000 pelanggan domestik terjejas akan menerima manfaat daripada rebat yang akan diberi Tenaga Nasional Berhad (TNB).

"Ini tidak melibatkan kilang, ia untuk rumah-rumah. Ini lanjutan kepada bantuan yang diberikan, jadi bil elektrik Disember diberikan rebat.

"Saya juga telah minta TNB untuk membantu kediaman milik B40 yang terjejas akibat banjir apabila bekalan elektrik disambung semula," katanya.

Beliau berkata, sejak Jumaat lepas, syarikat utiliti itu telah melaksanakan kerja pemeriksaan pendawaian percuma di rumah terjejas banjir di Selangor, Pahang dan Kuala Lumpur.

Selain itu, Ismail Sabri berkata, Perusahaan Otomobil Kedua Sdn Bhd (Perodua) akan menyediakan



Ismail Sabri melawat kawasan yang terjejas banjir pada program gotong-royong Keluarga Malaysia di Taman Nanding, Hulu Langat pada Ahad.

servis menunda kenderaan secara percuma bagi kenderaan Perodua berdasarkan insurans kenderaan itu.

Beliau berkata, bayaran upah buruh untuk memperbaiki dan servis kenderaan yang dihantar ke pusat servis Perodua adalah percuma dan bayaran alat ganti pula diberikan diskaun 50 peratus.

"Saya difahamkan Menteri Kewangan, Senator Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz akan berunding lagi dengan syarikat-syarikat kereta yang lain seperti Proton (Proton Holdings Bhd) dan sebagainya.

"Saya harap syarikat-syarikat lain boleh mengikut apa yang dilakukan oleh Perodua dan kalau lebih baik daripada itu pun kami mengalu-alukan," katanya pada sidang akhbar selepas meninjau kerja-kerja pembersihan pascabanjir di Taman Sri Nanding dan Kampung Dusun Tua, di sini pada Ahad.

Beliau turut memaklumkan kerajaan bakal menambah peruntukan

bagi memperbaiki kerosakan kediaman dan infrastruktur akibat banjir sebagai tambahan kepada peruntukan awal RM100 juta.

Ditanya mengenai cadangan permohonan Bantuan Wang Ihsan dibuat secara dalam talian, beliau berkata, perkara itu akan dibincangkan dalam Pasukan Petugas Khas dipengerusikan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali yang akan mengadakan mesyuarat pertama pada Isnin.

Sementara itu, Ismail Sabri berkata, 332 anggota tentera dikerah ke Maran, Raub, Temerloh, Jerantut dan Kuala Lipis untuk membantu proses pembersihan pascabanjir manakala 213 pegawai dan anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) turut digerakkan bagi tujuan sama.

Sebelum ini, kerajaan bersetuju memberi Bantuan Wang Ihsan kepada semua mangsa banjir sebanyak RM1,000 dan sumbangan RM10,000 kepada waris mangsa banjir yang meninggal dunia.

- Bernama

